

MAJLIS 'PUNCH OUT' KETUA PENGARAH PERTANIAN



Penulis / Foto : Abdul Hadi Bin Hj. Mustapa Kamar

Putrajaya, 29 Disember – Jabatan Pertanian telah mengadakan majlis kesyukuran dan doa selamat sempena meraikan persaraan Ketua Pengarah Pertanian (KPP), Y.Bhg. Dato' Ahmad Zakaria Bin Mohamad Sidek sebagai pegawai perkhidmatan awam di Jabatan Pertanian. Majlis ini telah dihadiri oleh Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengarah Pertanian Negeri, Ketua-Ketua Agensi dan warga Jabatan Pertanian .

Acara dimulai dengan dengan bacaan Yassin dan doa selamat yang dipimpin oleh Tuan Haji Mohamad Zin Bin Mohd Supaat, Pengarah Bahagian Pengurusan dan Pemuliharaan Sumber Tanah. Turut diadakan adalah tazkirah oleh Ustaz Mohammad Rozie Bin Rejab, yang telah menyampaikan tazkirah berkaitan dengan 'Berkat Dalam Bekerja'. Tazkirah ini berjaya menyentuh hati dan memberi semangat kepada semua yang hadir.

Satu (1) deklamasi sajak yang puitis telah disampaikan oleh Pegawai Khas Ketua Pengarah Pertanian iaitu Encik Azizi Hashim sempena persaraan Dato' KPP. Sajak ini sungguh menyentuh hati dan pastinya menjadi memori indah pada Dato' KPP.

Tayangan khas ucapan penghargaan daripada semua warga Jabatan turut diadakan khusus kepada KPP. Majlis ini diakhiri dengan 'punch out' terakhir Dato' KPP dengan disaksikan oleh warga Jabatan.

Selamat bersara Dato' KPP, semoga dipanjangkan usia, dimudahkan rezeki dan lebih berjaya di masa akan datang. Semoga apa yang diperjuangkan olehmu selama ini menjadi ibadah di akhirat kelak. Tidak terhitung jasmu. Jasmu tetap akan dikenang sehingga ke akhir hayat.